



JAWATAN KOSONG

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasar syarat yang ditetapkan, dan mempunyai komitmen yang tinggi dan penuh iltizam serta bercita-cita untuk berkhidmat dengan sebuah Universiti yang sedang menuju ke arah Universiti bertaraf dunia, adalah dipelawa bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN	: PENSYARAH KANAN GRED DS51
SKIM PERKHIDMATAN	: PENSYARAH UNIVERSITI
KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	: TETAP
JADUAL GAJI	: RM5,855.00 - RM12,445.00

SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (d) Mempunyai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya;
- (e) Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan;
- (f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KHAS UPM BAGI JAWATAN PEGAWAI AKADEMIK:

1. Memperolehi kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Bidang kepakaran/pengajaran yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - i. **Pembangunan Produk Bukan Makanan / Non-Food Product Development**
 - ii. **Fisiologi Haiwan / Animal Physiology**
 - iii. **Kejuruteraan Hutan / Forest Engineering / Geographic Information System (GIS)**
 - iv. **Sains Komputer / Computer Science**
 - v. **Kejuruteraan Pertanian / Agricultural Engineering**
 - vi. **Ekonomi Perniagaan / Business Economy**
 - vii. **Pembangunan Manusia / Human Development**
 - viii. **Sains Sosial – Social Science**
2. Memperolehi kelayakan Ijazah Sarjana/Sarjana Muda yang cemerlang dalam bidang yang berkaitan (CGPA 3.00 ke atas).

CARA MEMOHON:

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dari laman web UPM Kampus Bintulu Sarawak dengan memuat turun borang di www.btu.upm.edu.my.

PERATURAN MEMOHON:

Pemohon dikehendaki menyertakan salinan sijil akademik, transkrip, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran serta dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah di hantar ke alamat berikut sebelum atau pada tarikh tutup iklan:

**KETUA PENTADBIRAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU
TINGKAT 2, BANGUNAN PENTADBIRAN
PETI SURAT 396, JALAN NYABAU
97008 BINTULU, SARAWAK.**

PERHATIAN:

- i. Permohonan yang tidak lengkap diisi dan tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan.
- ii. Hanya calon-calon yang dipilih dalam penyaringan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- iii. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TEMPOH IKLAN:

Permohonan adalah dibuka sepanjang masa dan akan ditutup pada **31 Disember 2019 (Selasa)**.